

**Kes Tembak: Pemuda SUPP Buat Laporan Terhadap Chong Bernama
17 Ogos, 2013**

KUCHING, 17 Ogos (Bernama) -- Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) membuat laporan polis terhadap Pengerusi DAP negeri Chong Chieng Jen berhubung kenyataannya mengenai beberapa insiden tembakan di seluruh negara baru-baru ini.

Ketua Pemuda pusat SUPP Tan Kai menggesa pihak berkuasa berkaitan agar mengambil tindakan terhadap cubaan terang-terangan Chong untuk menimbulkan ketakutan.

"Perbuatan seperti itu, jika tidak dibendung boleh membawa kepada perselisihan faham yang teruk antara rakyat dan kerajaan, serta memulakan keadaan kelam-kabut.

"Jelas bahawa pembangkang tidak mempunyai topik lain untuk dibincangkan jadi mereka cuba mengadakan satu lagi cerita dongeng. Bagaimanapun, kali ini mereka sudah keterlaluan dan mesti bertanggungjawab atas kecuaiian dan kelalaian mereka," katanya di ibu pejabat polis Kuching di sini Sabtu.

Isnin lepas, menerusi laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan, Chong mendakwa kes pembunuhan melibatkan senjata api dibiarkan berleluasa bagi membolehkan kerajaan Barisan Nasional (BN) menggubal undang-undang baharu menggantikan Ordinan Darurat.

Undang-undang baharu itu kemudian akan disalah guna oleh para pemimpin atasan BN untuk menganiayai pembangkang, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970687>